



## KESAN CERITA RAKYAT MASYARAKAT ORANG ASLI TEMIAR GUA MUSANG, KELANTAN: SATU PENELITIAN TEORI KONSEPTUAL KATA KUNCI

MOHD FAHMI BIN ISMAIL\*

MOHD FIRDAUS BIN CHE YAACOB\*\*

mohdfaahmimofis@yahoo.com

### Abstrak

Masyarakat Orang Asli Temiar merupakan kelompok masyarakat yang tinggal dalam hutan, terpinggir dan ketinggalan dari segi arus kemodenan. Namun demikian tidak dapat di nafikan bahawa masyarakat ini sebenarnya kaya dengan nilai budaya, sastera rakyat dan falsafah pemikiran tinggi. Kepelbagaiannya nilai budaya telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Orang Asli Temiar. Nilai budaya ini yang dilahirkan oleh nenek moyang menjadi lambang jati diri dan menjadi kebanggaan masyarakat ini. Sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, belum ada lagi dikaji secara sistematik oleh pengkaji. Hal ini, dengan sendirinya mewujudkan ruang ilmiah yang menuntut kepada satu pengkajian ilmiah yang khusus terhadap cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Justeru, kajian ini berhasrat untuk mengisi ruang tersebut dengan meneliti cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Objektif kajian ialah untuk menilai kesan yang tersirat dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan. Selanjutnya, kajian ini akan menerapkan Teori Konseptual Kata Kunci yang dikemukakan oleh (Mokhtar Hassan (2005) sebagai gagasan untuk memperkuatkan kajian ini. Sementara itu, kemantapan nilai budaya dan pengamalan nilai budaya dalam kehidupan sehari-hari melahirkan kesan-kesan tersirat dan tersirat kepada masyarakat komuniti ini. Kesimpulannya, cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar, di Gua Musang, Kelantan, merupakan satu tinggalan warisan dan khazanah yang berharga dan menjadi manifestasikan kehidupan, adat kepercayaan dan lambang jati diri masyarakat ini.

**Kata Kunci:** Kesan, Cerita rakyat, Masyarakat Orang Asli Temiar dan Teori Konseptual kata Kunci

\* Pelajar Sarjana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

\*\* Pensyarah/ PhD di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan





## Abstract

Temiar indigenous people are a community are community of people living in the jungle, marginalized and lagging in term of modernity country. There it can not be denied that this society is actually rich in diverse cultures, fokstales and very high philosophy of thought. However, rapid development and modernity has led to an increase in marginalized folklore Therefore open an empty space in scientific research which required a specific research. This study aims to fill the empty space by examine the folktales of Temiar Indigenous community in Gua Musang, Kelantan. This study focused on three main objectives. First was to show effect the folktales of Temiar Indigenous community in Gua Musang, Kelantan. Concomitantly, this study used literature research and field research. Furthermore, this study will apply the Sastera Warisan theory by Theory of Conceptual Keyword introduced by Mohamad Mokhtar Hassan in 2005 as the notion to strengthen this study. The realibility of cultural values hold by the Temiar Indigenous community and the practicing of it in daily life influencing the Temiar Indigenous individually and collectively as community. As conclusion, the folktales of Temiar Indigenous community can be said as manifestation of life, customs and beliefs, and sign of their identity.

**Keyword:** Effect, Malay folktales, Temiar Indigenous Community and Theory of Conceptual

---

\* Postgraduate at Faculty of Modern Language and Communication, Universiti Putra Malaysia, Malaysia  
\*\* Lecturer/ PhD at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia





## 1.0 Pengenalan

Negara Malaysia merupakan salah satu negara yang bertuan kerana dikurniakan dengan hasil bumi yang bernilai, kaya kepelbagaian budaya, masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan kaum. Namun begitu terdapat pembahagian kelompok masyarakat berdasarkan kaum, etnik dan sebagainya. Masyarakat merupakan satu komuniti yang telah lama wujud sejak zaman-berzaman lagi. Setiap masyarakat saling berhubung dan membentuk satu identiti tersendiri dalam melayari arus kehidupannya. Setiap manusia yang hidup mempunyai satu sistem kehidupan yang tersusun, teratur dan kemas. Setiap masyarakat pastinya berbeza dari segi kehidupan, agama dan kebudayaan. Kepelbagaian masyarakat ini menjadikan negara ini sebuah negara yang muhibah dan unik. Salah satu masyarakat yang telah lama wujud di kawasan pedalaman di negara ini ialah masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli merupakan satu komuniti manusia terawal yang mendiami beberapa kawasan hutan dan mengamalkan cara hidup mengikut adat dan warisan nenek-moyang mereka sejak dari dahulu lagi. Kenyataan tersebut telah disokong oleh Ramlee Abdullah (2008: 44-45), yang menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli ialah satu istilah khas yang diberikan kepada sekelompok masyarakat pribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Ekoran daripada itu, masyarakat Orang Asli mempunyai pelbagai sifat, sama ada dari sudut etnik maupun kediamannya, pentafsiran cara dan corak mereka sukar diramalkan dengan tepat. Namun demikian, berdasarkan kepada tempat tinggal mereka yang sebahagian besarnya mendiami di kawasan pedalaman, maka dapat disimpulkan bahawa cara hidup mereka saling berkaitan secara langsung dengan ekologi semula jadi termasuklah kawasan pedalaman iaitu hutan rimba, bukit-bukau, gunung-ganang, pinggiran sungai dan tepi tasik. Menurut perangkaan yang telah dirumuskan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2009) Orang Asli di Malaysia dibahagikan kepada beberapa kelompok iaitu Orang Asli Negrito, Orang Asli Senoi dan Orang Asli pribumi. Namun demikian, bahagian ini dipecahkan beberapa pecahan masing-masing mengikuti kategori yang disenaraikan iaitu Orang Asli Negrito yang terdiri daripada suku Kensiu, Lanoh, Mendriq, Kintak, Bateq dan Jahai. Manakala Orang Asli Senoi terdiri daripada kaum Semai, Temiar, Mah Meri, Che Wong, Jah Hut dan Semoq Beri. Sementara itu, Orang Peribumi (Melayu Proto) pula terdiri daripada kaum Jakun, Orang Kuala, Kanaq, Temuan, Orang Seletar dan Semelai. Namun demikian kajian ini memberi tumpuan kepada kumpulan masyarakat Orang Asli Senoi iaitu suku Temiar.

Suku kaum temiar merupakan antara suku kaum yang terbesar mendiami kawasan pedalaman negeri Kelantan dan negeri Perak. Menurut, Nor Anuwar Hamat & Zaini Ab Rahman, 2012 menyatakan bahawa penempatan suku kaum Orang Asli Temiar terletak di Kampung Chengkelik, dan Kampung Merlung, (Rancangan Penempatan Semula) Kuala Betis, Kelantan dan Kampung Jarau Baru ( Rancangan Penempatan Semula) Kemar Gerik, Perak, Kampung Sungai Cadak, Ulu Kinta , Perak. Sehubungan itu, Rancangan Penempatan Semula Kuala Betis merupakan salah satu penempatan Orang Asli Suku Temiar yang terbesar di selatan negeri Kelantan. Penempatan ini mempunyai jarak kira-kira 30 kilometer dari bandar Gua Musang. Kediaman masyarakat Orang Asli Suku Temiar





boleh dihubungi melalui jalan darat dari bandar Gua Musang dan berada di tengah-tengah untuk menuju ke Cameron Highland, Pahang. Kajian dan pengumpulan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar dilakukan di sebuah kampung yang diberi nama Kampung Merlong, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan.

Cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar kaya dengan khazanah budaya masyarakat sejak dahulu kala lagi. Nilai budaya ini adalah elemen penting bagi penerapan amalan hidup dalam sekelompok masyarakat. Hal ini disokong oleh Mohd Taib Othman (1981: 52) menyatakan dalam konsep masyarakat Malaysia, cerita rakyat merupakan manifestasi kesusastraan rakyat yang ditemui dalam kalangan masyarakat Melayu dan dalam erti kata yang lain sebagai sastera daerah yang mana menggunakan cara lisan dalam kalangan etnik dan kaum masing-masing yang kaya dengan nilai budayanya. Maka dapat disimpulkan bahawa skop lisan di Malaysia meliputi kampung Melayu, kumpulan Orang Asli di Semenanjung, dan juga masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Menurut pendapat ketua Kampung Merlung Ibrahim Marijah (2015) menyatakan masyarakat Orang Asli Temiar sememangnya kaya dengan cerita yang diwarisi oleh nenek-moyang sejak dahulu kala lagi. Cerita ini pernah menjadi medium hiburan dan pengajaran yang istimewa kepada masyarakat Orang Asli Temiar ini. Cerita rakyat masyarakat yang diwarisi dari turun temurun ini sememangnya kaya dengan khazanah budaya masyarakat sejak dahulu kala lagi. Namun perubahan zaman, kemajuan pesat dunia teknologi dan sikap tidak sayang khazanah menyebabkan tinggalan ini semakin hilang.

Rentetan daripada itu, jelas memperlihatkan bahawa masyarakat Orang Asli Temiar mempelajari nilai-nilai, budaya yang telah terkandung dalam setiap cerita rakyat disampaikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain. Kenyataan tersebut, disokong oleh Anidah Alias (2012) yang menyatakan budaya tradisi yang diterapkan dalam kehidupan sehari-hari akan mencorakkan satu elemen penting yang menuju kepada kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Temiar. Selain itu, nilai-nilai budaya yang terdapat dalam sistem nilai dan adat masyarakat Orang Asli seperti kejujuran, berpegang pada janji, jujur, muafakat, toleransi, sikap bekerjasama, muafakat, prihatin, hormat-menghormati dan berbudi bahasa, semua aspek ini turut disampaikan melalui cerita rakyat masyarakat ini. Rentetan daripada itu, garapan nilai budaya jelas membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli Temiar memperolehi nilai-nilai budaya yang telah terkandung dalam setiap cerita rakyat disampaikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain. Kenyataan tersebut, disokong oleh Anidah Alias (2012) yang menyatakan budaya tradisi yang diterapkan dalam kehidupan sehari-hari akan mencorakkan kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Temiar. Justeru itu, nilai-nilai budaya yang telah lama wujud menjadi panduan dan pegangan hidup masyarakat Orang Asli Temiar dalam membentuk sebuah ketamadunan yang unggul. Justeru dalam konteks ini, penuturan cerita rakyat masyarakat Orang Asli disampaikan dari mulut ke mulut ini berupaya untuk berfungsi sebagai kawalan sosial untuk mengekalkan keutuhan budaya masyarakat Orang Asli. Oleh itu, menerusi kajian ini akan memberikan tumpuan terperinci terhadap setiap petikan yang diceritakan dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli ini. Petikan yang dipilih ini jelas





melahirkan kesan kepada kehidupan masyarakat ini. Penelitian dan pengamatan terhadap cerita rakyat ini secara tidak langsung akan dapat mempamerkan ketinggian tamadun masyarakat Orang Asli Temiar dari pelbagai aspek kehidupan sama ada secara fizikal dan pemikiran.

## 2.0 Penyataan Masalah

Kajian ini, bertitik-tolak daripada beberapa pandangan sarjana yang membicarakan secara langsung tentang cerita rakyat yang melahirkan kesan yang baik atau sebaliknya. Menurut, Ismail Hamid (1:1992) cerita rakyat merupakan satu karya lisan yang kaya dengan garapan ilmu dan unsur kebudayaan sebuah bangsa. Sastera tuturan ini adalah salah satu medium penting, kerana di dalamnya terangkum pelbagai budaya rakyat (*folklore*) tertentu di mana isi kandungannya menyentuh seluruh topik tentang kehidupan sesebuah masyarakat. Seterusnya, Ibrahim Marijah (2014) berpendapat bahawa cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar dianggap hanya dongeng semata-mata, diciptakan sekadar berhibur dan di dalamnya tidak mengandungi nilai-nilai pengajaran yang bermanfaat kepada khalayaknya. Tambah beliau lagi, fenomena beranggapan tidak mempunyai nilai yang baik dan tidak mempunyai tamadun yang boleh dibanggakan dalam cerita rakyat ini. Seterusnya, pandangan yang berbeza diutarakan oleh Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria (2013) mengutarakan pendapat bahawa perkara yang berkaitan dengan cerita mitos dan lagenda yang diceritakan ini dianggap satu dongengan dan diilhamkan sekadar untuk berhibur semata-mata. Seterusnya, ancaman terhadap khazanah dan warisan masyarakat Orang Asli juga telah diperkatakan Faridatul Akma dan Siti Rasidah (2005) yang mengemukakan pendapat bahawa tinggalan dan amalan hidup masyarakat Orang Asli yang terus diancam tekanan kemajuan negara untuk menuju arah pembangunan negara yang menghala ke arah aspek pemodenan. Ekoran itu, keadaan tersebut telah menciptakan nilai-nilai baru dan pengaruh asing yang secara tidak langsung mengugat kehidupan masyarakat. Kesan yang timbul ini menyebabkan berlakunya kepupusan identiti budaya dan warisan mereka. Selain itu, sikap negatif masyarakat Orang Asli sendiri yang masih tidak jelas tentang kepentingan dan keperluan menjaga budaya yang diwarisi untuk generasi yang akan datang. Bertitik tolak daripada pernyataan tersebut, pengkaji ingin membuktikan bahawa cerita rakyat diwarisi ini memaparkan kesan yang positif kepada kehidupan masyarakat terpinggir ini. Hal ini kerana cerita rakyat yang diwarisi ini sememangnya satu wadah lengkap untuk mengekalkan nilai-nilai budaya yang boleh membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat terpinggir ini untuk mencapai ketinggian tamadunnya.





### 3.0 Metodologi Kajian

Secara keseluruhan terdapat dua kaedah yang diterapkan dalam kajian ini iaitu kaedah lapangan dan kaedah kepustakaan. Kaedah lapangan merangkumi kaedah temu bual dan pengumpulan data kajian. Kaedah ini penting digunakan dalam kerja mengumpul, memperoleh dan menyaring cerita rakyat masyarakat Orang Asli suku Temiar di Kampung Merlung, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Seterusnya, kaedah temu bual digunakan semasa berada di kawasan lapangan. Selain itu, bagi memudahkan proses temu bual, rakaman akan dilakukan untuk merakam cerita lisan atau cerita rakyat daripada informan menggunakan pita rakaman. Manakala, kaedah kepustakaan digunakan untuk memperoleh maklumat, data dan bahan rujukan yang berkaitan dengan bidang kajian ini. Antara bahan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat tersebut terdiri daripada majalah, akhbar, kertas kerja, prosiding, buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal sains kemanusiaan, risalah, kamus istilah, tesis, disertasi para sarjana, sumber internet dan blog berbentuk akademik. Antara cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar yang dijadikan bahan kajian ialah *Buah Mangkung dengan Seekor Anjing*, *Burung Kuang dengan Harimau*, *Bertindak Tanpa Akal*, *Sang Kura-kura yang Bijaksana*, *Tangkal Hikmah*, *Manusia Jelmaan Anjing dan Dendam Terbalas*. Justeru dalam memantapkan kajian ini, Teori Konseptual Kata Kunci digunakan mengaplikasikan kesan yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Teori ini diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 1999. Pada tahun 2001 idea awal teori ini dalam kertas kerja yang bertajuk “Pendekatan Kata Kunci : Satu Kaedah dalam Kritikan Sastera” yang dibentangkan dalam Seminar Kritikan Sastera Melayu Serantau, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka di Hotel Park Royal, Kuala Lumpur. Rangkai kata konseptual atau dalam bahasa Inggeris ‘conception’ bermaksud idea. Walau bagaimanapun konsepsi terjadi persamaan atau berbeza dengan individu yang lain. Persamaan dan perbezaan itu bergantung pada latar belakang, pendidikan, lingkungan masyarakat, kepercayaan, adat budaya, ideologi, pertubuhan yang diperjuangkan dan sebagainya. Oleh sebab pengarang terdedah kepada pengalaman, persekitaran, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, politik dan sebagainya termasuklah peredaran masa, umur, zaman maka sama halnya pandangan konseptual seseorang pengarang terhadap sesuatu isu, perkara, hal, objek dan sebagainya. Dalam melihat konsepsi seseorang pengarang terhadap sesuatu isu, hal dan perkara dapat diteliti daripada kata-kata yang digunakan dalam karya sastera. Dalam melihat konsepsi seseorang pengarang itu, dapat diteliti daripada kata-kata yang digunakan dalam karya. Kata-kata yang ditemui dalam karya atau beberapa karya pengarang itu dinamakan sebagai kata kunci. Teori ini mengandungi tiga prinsip iaitu: pertama kepengaruan, kedua pemilihan kata dan ketiga kesan.

Prinsip yang pertama ialah kepengaruan di mana, prinsip ini berhubung dengan pengarang. Di mana konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek atau sebagainya sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi, politik dan pertubuhan yang diperjuangkan. Prinsip yang kedua pula, ialah pemilihan kata. Prinsip ini berhubung dengan karya sastera. Menerusi





prinsip ini pengarang menggunakan kata-kata dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsi terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek dan sebagainya. Kata-kata itu bagi sesuatu konsep itu akan sentiasa melingkari minda seseorang pengarang. Walau bagaimanapun, pemilihan kata bagi sesuatu konsep itu dalam sesebuah karya sastra, mungkin diungkapkan melalui kata konkret dan kemungkinan juga diungkapkan melalui kata abstrak. Prinsip ketiga, iaitu kesan dihubungkan dengan pembaca. Konsepsi seseorang pengarang atau pengkarya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek dan sebagainya dapat diperolehi oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya atau karya-karya yang dibaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan oleh pengarang. Kejayaan menemui konsepsi seseorang pengarang atau pengkarya itu akan berhasil apabila konsepsi yang dikemukakan oleh khalayak pembaca itu menyamai konsepsi yang dikemukakan oleh pengarang atau pengkarya. Dalam hal ini, untuk mendapatkan konsepsi seseorang pengarang dengan lebih objektif, seseorang peneliti atau pengkaji itu harus memahami hal-hal yang berhubung dengan ekstrinsik pengarang dengan lebih mendalam. Rangkuman tiga prinsip utama teori ini sangat sesuai untuk merungkaikan unsur amanat yang dikaji. Jelaslah di sini, pengaplikasian teori yang digunakan bertujuan untuk mencapai matlamat yang diingini oleh pengkaji.

#### 4.0 Analisis Kajian

Analisis kajian lebih menumpukan kepada kesan yang tersirat melalui beberapa contoh petikan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini. Seterusnya, kesan yang diuraikan ini diaplikasikan dengan bersesuaian dalam elemen prinsip yang terdapat dalam Teori Konseptual Kata Kunci ini. Masyarakat Orang Asli Temiar mengilhamkan tiga nilai utama yang menjadi tunjang kepada asas kehidupan seharian mereka. Nilai budaya yang dilahirkan dan diilhamkan oleh masyarakat Orang Asli Temiar menjadi satu acuan dan ramuan yang terbaik untuk diikuti oleh setiap ahli dalam komuniti masyarakat ini terutamanya perkara-perkara dalam semua aspek kehidupan. Dalam konteks ini, masyarakat komuniti wajar menjadikan cerita rakyat sebagai satu wadah untuk rujukan utama dalam pendidik, panduan dan nasihat. Selain itu, menjadikan nilai budaya ini sebagai satu landasan kepada amalan dan pegangan mereka. Nilai tersebut ialah nilai utama, nilai sokongan dan nilai. Nilai yang ditampilkan ini tersebut memberi kesan positif kepada kehidupan mereka. Kemantapan nilai tersebut meletakkan mereka sebagai salah satu masyarakat yang mempunyai identiti yang tersendiri. Antara kesan-kesan tersurat dan tersirat tersebut ialah:

Membentuk masyarakat yang mencintai keamanan merupakan kesan yang wujud daripada petikan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Keamanan merupakan satu perkara asas yang diperlukan oleh manusia bukan sahaja di seluruh dunia tetapi masyarakat Orang Asli Temiar juga memerlukannya. Mencintai keamanan ini akan memberikan kesan kepada pembentukan kesejahteraan dan keharmonian hidup kepada masyarakat ini. Rakyat bebas dan selesa melakukan apa sahaja ke mana-mana dan pada bila-bila masa tanpa ada gangguan pihak lain, sekatan dan halangan dari pihak





tertentu. Keselesaan dan kebebasan yang dikecapi ini akan mewujudkan kesejahteraan secara tidak langsung akan merancakkan arus pembangunan dan kemodenan negara. Justeru, kebijaksanaan dan keprihatinan dihasilkan tukang cerita menyampaikan wadah ini menerusi penyampaian cerita rakyat kaum Temiar ini. Mencintai keamanan membawa kepada pengertian khusus iaitu merujuk kepada kesenangan, keselesaan dan kegembiraan dalam melaksanakan segala aktiviti harian tanpa ada rasa takut, prejudis, takut dan tidak selesa tanpa mengira waktu dan tempat (Nor Azam Abdul Rahman, 2014: 10). Selain itu, menurut Haziah Che Hashim (2014: 1) mencintai keamanan ialah perasaan yang dipupuk di dalam jiwa setiap individu untuk hidup dengan aman, selesa, sentosa dan bebas tanpa ada sebarang pencabulan, perperangan, penganiayaan dan penindasan. Keamanan adalah satu bentuk konsep yang abstrak yang diperlukan oleh setiap manusia untuk meneruskan kehidupan manusia. Sementara itu, Noraziah Mohd Amin (2014: 6) menyatakan bahawa selain ibu bapa dan didikan agama dan juga, individu itu sendiri perlu yang bertanggungjawab untuk mendidik generasi muda untuk mencintai keamanan ini. Mencintai keamanan adalah medium pengajaran yang perlu dipupuk di dalam setiap insan. Masyarakat perlu menghayati makna sebenar sebuah keamanan yang akan bakal dikecapi bagi meneruskan kesinambungan hidup. Masyarakat Orang Asli Temiar sangat menitik-berat nilai mencintai keamanan dalam seluruh kehidupannya. Mencintai keamanan ini perlu dipupuk sejak dari kecil. Berdasarkan contoh petikan dalam cerita rakyat bertajuk *Sang Kura-Kura yang Bijaksana* tersebut, jelas menggambarkan kepentingan mencintai keamanan yang diperlukan oleh penduduk kampung dalam kehidupan mereka. Mereka memohon dan berdoa kepada Tuhan yang berkuasa agar mereka sentiasa memperoleh keamanan untuk membentuk kesejahteraan, kebahagiaan dan keharmonian dalam institusi kekeluargaan dan juga struktur sosial masyarakat mereka. Kesan ini, dapat dilihat menerusi petikan cerita rakyat di bawah:

#### Contoh Petikan 1

“Pelbagai amalan ritual dilakukan . Pada malam itu diadakan sewang bagi membuka ladang baru. Tok Halaq memulakan sewang dengan lancar agar masyarakat kampung memperolehi dan mencintai keamanan selalu. Semua orang ke sana untuk memeriahkan warisan sewang ini. Ramai orang sedang berkumpul bagi membincangkan bagaimana langkah dan cara untuk menanam getah tersebut”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Justeru, menerusi contoh petikan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar yang bertajuk *Sang Kura-kura yang Bijaksana* melahirkan nilai baik iaitu masyarakat mencintai keamanan dan secara tidak langsung menolak akan segala keganasan dan berpecah belah ini. Bertepatan dengan Teori Konseptual Kata Kunci, menerusi prinsip pemilihan kata sesuai untuk diaplikasikan dalam kesan membentuk masyarakat yang mencintai keamanan. Hal ini kerana dalam karya yang bermutu yang diilhamkan oleh pengarang akan mendatangkan kesan yang manfaat dan memperlihatkan





kebaikan. Keadaan terhasil daripada rentetan dari pelbagai peristiwa yang dijadikan pengalaman dalam menempuh kehidupan. Melalui pengalaman tersebut, tersingkap pelbagai ragam yang dapat dijadikan cerminan bandingan atau contoh teladan yang baik.

Seterusnya kesan yang kedua pula ialah manusia memerlukan kebebasan dalam kehidupan adalah kesan langsung yang wujud menerusi nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar ini. Hal ini kerana, setiap ahli masyarakat yang normal akal mestilah mengetahui akan kebebasan yang perlu dimiliki dan perlu dipertahankan kebebasan ini daripada dicerobohi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam konteks ini kebebasan yang dimaksudkan ialah elemen dan perkara yang tertakluk kepada undang-undang Perlembagaan Malaysia 1956 dan undang atau peraturan adat yang secara langsung ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara (Misri Bohari, 2010). Seterusnya, menurut Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa minda dan hati budi teraniaya dengan sebarang bentuk penjajahan dan dominasi oleh pihak asing sama ada secara mental, emosi dan intelektual. Oleh itu, kebebasan merupakan satu bentuk keperluan yang diperlukan oleh manusia dalam meniti arus kehidupan. Selaras dengan itu, masyarakat Orang Asli Temiar mementingkan nilai kebebasan kepada setiap ahli dalam masyarakat mereka. Penekanan ini disampaikan menerusi media lisan iaitu sastera rakyat menerusi cerita rakyat mereka digunakan sebagai wahana ilmu untuk menegaskan elemen ini kepada masyarakatnya khusus golongan muda dan kanak-kanak. Justeru, garapan kesan nilai ditekankan menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Burung Kuang dengan Seekor Harimau*. Hal ini jelas tergambar menerusi contoh petikan berikut:

### Contoh Petikan 2

“Kamu tahu saya lebih bijak daripada kamu dan aku tahu kamu hendak makan aku. Aku pun nak hidup dengan aman dan bebas seperti kawan-kawan aku yang lain” kata Burung Kuang. Aku juga mahu seperti kawan-kawanku. Sepantas kilat burung kuang terbang terus ke udara”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Menerusi petikan cerita rakyat di atas tukang cerita tersebut, Ibrahim Marijah (2014) menerangkan kebebasan yang diperlukan Burung Kuang dalam meniti kehidupan sehari-hari. Keamanan yang diimpikan terlaksana selepas terbongkar muslihat Harimau yang mahu memakan dagingnya. Kebebasan tergambar apabila Burung Kuang bebas terbang dengan ke merata tempat tanpa mempedulikan sesiapa dan sebarang halangan. Bertitik tolak daripada cerita tersebut kebebasan yang ditampilkan menerusi watak Burung Kuang menimbulkan kesan tersirat kepada masyarakat Orang Asli Temiar juga memerlukan kebebasan melakukan pelbagai perkara. Masyarakat ini harus mengetahui dan memahami erti kebebasan yang sebenarnya. Hal kerana, mereka bebas melakukan pelbagai perkara selagi tidak melanggar adat, peraturan dan undang-undang. Kebebasan yang diperoleh ini akan memberikan kesan ke atas diri mereka seperti tidak terikat kepada peraturan dan





undang-undang, boleh melakukan pelbagai pekerjaan, bebas pergi ke mana sahaja, tiada sekatan dan boleh mencipta serta merancang sesuatu cadangan dan idea mengikut minat dan kreativiti masing-masing. Kebebasan yang dicapai ini akan menghasilkan sebuah kehidupan yang bebas dan selesa. Selain itu, kebebasan diperoleh mendorong mereka untuk mencapai keperluan, kehendak, hasrat, tujuan dan cita-cita yang diimpikan, Justeru secara tidak langsung mencapai kesejahteraan dan memajukan diri serta mencorakkan komuniti masyarakat mereka ke arah sesuatu yang positif. Justeru, secara tidak langsung membantu hasrat kerajaan seperti yang disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia untuk melahirkan yang unggul dan modal insan yang gemilang dan terbilang di bawah satu bangsa, satu budaya dan satu negara. Selaras dengan pengaplikasian Teori Konseptual Kata Kunci prinsip sesuai digunakan ialah prinsip kesan. Hal ini dapat dilihat menerusi konsepsi seseorang pengarang atau pengkarya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek dan sebagainya. Seterusnya secara tidak langsung akan dapat diperolehi oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya atau karya-karya yang dibaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan oleh pengarang.

Sementara itu, kepentingan mempertahankan harga diri adalah kesan tersirat yang wujud menerusi nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini. Masyarakat Orang Asli Temiar juga merupakan sebuah masyarakat yang bertamadun dari segi adat, budaya dan pemikiran. Mempertahankan harga diri daripada ditindas dan penganiayaan adalah satu elemen yang diberi perhatian yang menyeluruh oleh seluruh ahli masyarakat Orang Asli Temiar bermula daripada kanak-kanak sehingga alih peringkat tua. Kepentingan mempertahankan harga diri ini ditegaskan oleh Abd Rahim Abd Rashid (2001) menyatakan bahawa mempertahankan harga diri membawa maksud pemahaman yang baik berkaitan diri, maruah dan imej diri seseorang yang harus dipertahankan dari sebarang bentuk penghinaan, cemuh atau diskriminasi dan hal-hal yang bercanggah dengan hak dan nilai normal diamalkan dalam kehidupan seseorang manusia. Pemahaman yang mantap ini haruslah diterangkan oleh semua pihak kepada masyarakat sejak dari kecil lagi. Hal ini kerana pemahaman yang baik tentang mempertahankan harga diri harus dimulakan sejak kanak-kanak lagi. Hal ini juga, disokong oleh Abd Rahim Abd Rashid (2001) nilai harga diri perlu disemai di kalangan generasi muda supaya memahami kepentingan nilai untuk diaplikasikan di dalam kehidupan agar nilai yang baik dapat dijadikan teladan dan nilai yang kurang elok dijadikan sempadan oleh masyarakat. Jelaslah bahawa adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat untuk memberi didikan kepada generasi mereka. Kesedaran dan pemahaman terhadap kepentingan mempertahankan harga diri memberikan kesan yang positif seperti melahirkan individu yang berhemah, dipandang mulia, dapat memartabatkan diri agar dihormati dan dihargai oleh pihak atau masyarakat luar, seterusnya secara tidak langsung dapat membina masa depan dengan dihormati, terbilang dan berjaya. Menjadi kelaziman dalam sebuah komuniti masyarakat dengan menitikberatkan hal-hal yang berkaitan tentang kesan nilai kepentingan mempertahankan harga diri ini, masyarakat Orang Asli Temiar juga tidak terkecuali dalam usaha ini untuk diketengahkan kepada masyarakat mereka. Kesan nilai ini dapat dilihat secara tersurat menerusi petikan cerita rakyat di bawah ini. Sumber dengan bijaksana memperlihatkan kepentingan nilai menerusi watak Lenai yang





menyeru penduduk kampung supaya perlu mempertahankan harga daripada dikuasai oleh pihak musuh. Lenai dengan lantang menegaskan kepada kampung yang lain ketika berlawan dengan pihak musuh yang mahu menyerang kampungnya. Hal ini digambarkan menerusi contoh petikan cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Kampung Kuala Betis* tersebut:

#### Contoh Petikan 4

“Lalu Lenai berkata “Wahai penduduk sekalian kita harus pertahankan maruah diri dan kampung dengan apa cara pun. Diri dan kampung kita adalah maruah kita”. Maka selepas itu, pergaduhan dan peperangan berlaku”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Bertitik tolak daripada peristiwa keberanian Lenai dalam mengutarakan pesanan kepada penduduk untuk kepentingan mempertahankan hargai adalah satu usaha yang baik yang diutarakan oleh tukang cerita masyarakat Orang Asli Temiar ini. Hal ini memberikan satu gesaan dan peringatan kepada masyarakat komuniti ini supaya harus ada sikap ini dalam kehidupan mereka agar setiap ahli dalam masyarakat ini tidak mudah goyah dan takut ketika menghadapi situasi yang diceritakan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Kampung Kuala Betis* ini. Membentuk jati diri dalam jiwa masyarakat adalah salah satu kesan yang dapat dicungkil menerusi nilai dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Pendefinisan dan pemahaman jati diri luas skop untuk dirungkaikan. Jati merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia yang normal akalnya dan dapat berfikir secara waras. Jati diri adalah sesuatu yang abstrak sifatnya dan subjektif gayanya. Menurut, Abdul Latif Abu Bakar (2004) menyatakan bahawa jati diri sebagai satu kekuatan dalaman terbukti wujud, ketekalan, ketabahan, dan segala *spiritual* yang membawa maksud teguh berpusat dalam diri seseorang yang tidak boleh digangu dan dicerobohi dalam pelbagai cara. Seterusnya, Abdullah Hassan (2009) jati diri dapat dirumuskan bahawa terdapat lima ciri membentuk jati diri bangsa, yakni leluhur, bahasa, kebudayaan, agama dan tempat tinggal yang sama yang terdapat dalam satu kelompok manusia. Lebih penting lagi, jati diri berkait rapat dengan akhlak seseorang manusia. Hal ni kerana, pengukuhan akhlak di dalam jiwa rohani manusia menciptakan satu pengaruh dan kesan yang besar pada tindak tanduk serta gerak- geri seseorang (Maisara Saidin & Latifah Abdul Majid, 2012: 78). Hal ini disokong oleh, Wan Hashim Wan Teh (2010) dengan menyatakan kepentingan jati diri bukan sahaja berguna untuk pengenalan diri bahkan juga untuk tujuan perhubungan sosial di antara satu kelompok dengan kelompok manusia yang lain. Seterusnya, Alias Yahya & Che Ibrahim Salleh (2010) menyatakan bahawa peneguhan jati diri yang telah lama bertapak dalam diri manusia boleh membantu ke arah perkembangan pemikiran, bahasa dan sosiobudaya yang secara tidak langsung mengintegrasikan dan menolak anasir luar dengan kekuatan jati diri yang utuh dan unggul. Masyarakat Orang Asli Temiar merupakan komuniti masyarakat mempunyai satu struktur cara hidup yang lengkap dan satu struktur organisasi sosial yang bersistematis. Cara dan





bagaimana organisasi sosial ini dijalankan menjadi faktor penting untuk masyarakat memahami, menghayati dan mengamalkan jati diri dalam diri mereka Berteraskan kepada Teori Konseptual Kata Kunci prinsip kepengaruan dan prinsip pemilihan kata menetapi dengan kesan diatas. Hal ini kerana kedua-dua prinsip ini memainkan peranan utama dalam menghasilkan lirik sedemikian. Prinsip kepengaruan berdasarkan latar belakang seperti pendidikan, fahaman, pekerjaan dan keluarga. Latar belakang kehidupan seorang pengarang menyebabkan pengarang berjaya menghasilkan karya yang berkesan untuk mendidik masyarakat kearah kebaikan.

Seterusnya, kesan yang wujud menerusi cerita rakyat yang seterusnya ialah mencorakkan masyarakat yang mencintai warisan. Warisan sangat takungan budaya yang ternilai harganya. Adalah menjadikan tanggungjawab individu untuk menghargainya. Hal ini kerana mencintai warisan merupakan satu perasaan yang lahir dalam diri manusia. Warisan yang di warisi dari nenek moyang meliputi adat-resam, seni tari, seni kraf, seni muzik, seni ukir, seni anyaman, seni lakon, kebudayaan dan kesenian. Hal ini ditegaskan oleh Muhammad Hafiy Zikri Muhammad Shafri (2015: 25) menyatakan bahawa mempertahankan warisan dan adat ini dengan perkukuhkan jati diri masyarakat supaya nilai berharga ini tidak dilupakan atau ditelan zaman. Kesan ini sangat penting untuk dihayati dan disemai di jiwa setiap anggota masyarakat Orang Asli Temiar. Menurut Anidah Alias (2012: 12) masyarakat Orang Asli Temiar mempunyai daya tarikan warisan seperti warisan amalan kehidupan bercorak tradisi, adat resam dan budaya yang menarik diamalkan oleh masyarakat ini. Warisan ini harus dikekalkan oleh satu generasi ke satu generasi yang lain. Justeru, melahirkan masyarakat yang mencintai warisan sangat ditekankan oleh tukang cerita melalui jalinan plot cerita rakyat masyarakat ini. Hal ini kerana, pencerita berharap agar khalayak pendengar mengetahui apa tu warisan, jenis-jenis yang terdapat dalam masyarakat mereka dan tanggungjawab mereka untuk mempertahankan warisan ini pada masa yang akan datang. Selari dengan hasrat ini, hal ini dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Kura-kura yang Bijaksana*. Hal ini, tergambar menerusi contoh petikan tersebut:

#### Contoh Petikan 5

“Sang kura-kura tiba di sebuah kampung yang ketika sedang melakukan persiapan bagi membuka ladang baru bagi menanam tanaman getah. Satu acara yang menjadi warisan mereka ialah sewang. Sewang ini menjadi kebanggaan mereka. Pada malam itu diadakan sewang bagi membuka ladang baru. Tok Halaq memulakan sewang dengan lancar. Semua orang ke sana untuk memeriahkan warisan sewang ini”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Menerusi petikan tersebut masyarakat Orang Asli Temiar ada menyemai semangat cintakan warisan yang diwarisi daripada nenek-moyang mereka. Warisan yang dimaksudkan tersebut ialah upacara





sewang temiar. Sewang merupakan salah adat resam yang diwarisi sejak temurun lagi. Warisan ini ditanam, ditaburi dan perlu disemaikan di dalam jiwa setiap ahli masyarakat ini. Hal ini ditegaskan oleh Siti Aminah Mohd Sam & Seow Ta Wee (2013) menyatakan bahawa menerusi melestarikan budaya, warisan dan sosial budaya perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat supaya generasi seterusnya dapat menghayati, mengetahui dan mempelajarinya sebagai suatu tinggalan warisan nenek moyang mereka. Mencintai khazanah warisan adalah satu elemen yang penting yang perlu dipikul oleh semua pihak. Khazanah warisan yang tidak ternilai harganya perlulah cintai, dipertahankan, digali, dicungkil dan didokumentasikan dalam ia tidak lapuk di telan dek zaman. Hal ini penting kerana warisan dan budaya masyarakat Orang Asli Temiar untuk dijadikan wadah dan panduan kepada generasi akan datang. Bertitik tolak daripada itu, masyarakat ini perlu meletakkan warisan yang bernilai ini sebagai satu khazanah warisan ke arah mengekalkan identiti mereka dan jati diri (Anidah Alias, 2012). Mencintai khazanah warisan memberikan ilham ke arah kegemilangan dan keunggulan masyarakat ini yang membawa kepada kesejahteraan kepada kehidupan masyarakat komuniti ini. Selain itu, kegemilangan dan ketinggian ketamadunan sesebuah bangsa ini tidak sesekali dilupakan masyarakat. Hal ini kerana sebelum kejayaan sesebuah masyarakat akal dan pemikiran kelompok masyarakat dipengaruhi kepelbagaiannya warisan, adat dan nilai moral masyarakatnya. Hal ini bertepatan dengan Teori Konseptual Kata Kunci. Penekanan dan terhadap prinsip pemilihan kata akan memaparkan kata yang berkesan. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk mencari kebenaran dan keadilan, malah menjadi satu pemangkin dalam membentuk satu budaya bangsa yang bermoral baik

Memupuk masyarakat yang prihatin terhadap persekitaran juga merupakan salah satu kesan yang timbul menerusi nilai budaya yang tercungkil menerusi cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini. Kesan ini positif haruslah dihayati oleh masyarakat Orang Asli Temiar sepanjang kehidupan mereka. Memupuk masyarakat yang prihatin terhadap persekitaran ialah sikap peka dan mengambil berat, dan memberi perhatian terhadap sesuatu perkara yang berada di dalam lingkungan kehidupannya. Keprihatinan meliputi pelbagai aspek prihatin dan mengambil berat terhadap orang sekeliling termasuklah ibu bapa, kepada masyarakat, agama, alam dan negara (Mohd Fahmi Ismail, 2012: 110). Seterusnya, Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa menanam perasaan prihatin, simpati dan bertimbang rasa terhadap penderitaan dan kesusahan masyarakat sekeliling, di samping ikhlas hati untuk menghulurkan bantuan sama ada sokongan moral dan material kebendaan adalah amalan yang diamalkan oleh masyarakat sejak dahulu kala lagi. Rentetan daripada itu, kesan nilai budaya memupuk masyarakat yang prihatin terhadap persekitaran ini sangat diberikan perhatian yang sepenuhnya oleh pencerita kepada anggota masyarakatnya untuk dijadikan implikasi yang positif dalam segenap bidang kehidupan mereka.. Pencerita berhasrat agar unsur kesan ini dijadikan panduan oleh masyarakat dalam memberikan penilaian dan pertimbangan yang sewajarnya. Hal ini jelas terdapat menerusi petikan cerita rakyat yang bertajuk *Buah Mangkung dengan Seekor Anjing*. Kesan ini dapat jelas tergambar menerusi contoh petikan berikut:





### Contoh Petikan 6

“Lalu anjing mengungup. Mari memburu haiwan, jika lau dapat dapatlah makanan kita. Anjing tersebut tidak mahu bergerak dan bergerak dari hari ke hari begitulah kelakuan anjing tersebut asyik melihat buah tersebut. Kerana perasaan simpati akan nasib anjing yang kelaparan, antara prihatin dan simpati yang berbelah bahagi akhirnya aku ambil buah mangkung bagi kau makan. Biar kau mati lalu anjing menjilat-jilat tanda mahu makan buah mangkung tersebut”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Menerusi petikan tersebut, keprihatinan kepada persekitaran ditonjolkan oleh watak Pemuda. Pemuda prihatin terhadap seekor anjing yang dipeliharanya sedang mogok kelaparan disebabkan ketiadaan sumber makanan. Ekoran bencana alam berlaku pada ketika itu Pemuda mengambil keputusan membawa anjing ke dalam hutan bagi mencari sumber makanan yang sesuai. Peristiwa ini terjadi ketika anjing peliharaan mahu makan buah mangkung yang sedang ranum untuk masak. Sikap prihatin Pemuda muncul ketika melihat anjing yang tidak mahu bergerak ketika melihat buah mangkung tersebut. Walau berdepan larangan masyarakat bahawa mereka tidak boleh memakan buah mangkung kerana menurut mereka buah tersebut mengandungi racun yang boleh membawa kepada kematian. Ekoran daripada peristiwa tersebut melahirkan kesan tentang prihatin kepada persekitaran kepada masyarakat khalayak selepas mendengar cerita tersebut. Selanjutnya, mesej yang di sampaikan mengajak khalayak supaya menyedari tentang hal ini dan memberi kesan kepada mereka terutamanya golongan kanak-kanak untuk prihatin terhadap persekitaran mereka. Prihatin bukan sahaja terhadap ibu bapa tetapi harus juga prihatin terhadap alam sekitar. Justeru dalam konteks ini, menjelaskan bahawa golongan tua masyarakat ini menyampaikan mesej ini secara halus dan berhemah supaya apa yang disampaikan dapat dihayati dan difahami oleh generasi muda. Persoalan ini ditekan oleh Hood Salleh (2004) keprihatinan terhadap kehidupan alam sekililing, muncul selari kewujudan masyarakat peribumi lagi. Keprihatinan ini membangkitkan nilai kemanusiaan dalam memastikan masyarakat hidup dengan lebih aman dan harmoni. Sementara itu, Hashim Musa (2008) sikap yang prihatin terhadap masyarakat sekililing ini sedikit sebanyak menghilang beban yang ditanggung secara tidak langsung perasaan kecewa, sedih, kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda dapat dikurangkan. Justeru, ia dapat menggalakkan anggota masyarakat bangkit untuk menerusi kehidupan. Rentetan daripada pendapat tersebut, sikap prihatin ini perlu disemai dan dididik dengan sebaik mungkin bagi melahirkan individu yang mempunyai nilai ini bagi mewujudkan satu struktur masyarakat yang kaya dengan nilai kemanusiaan. Justeru ia secara tidak meletakkan moral rakyat Malaysia sebaris dengan negara maju yang lain. Sejajar dengan yang dikemukakan dalam Teori Konseptual Kata Kunci, prinsip yang kedua pula, ialah pemilihan kata. Prinsip ini berhubung dengan karya sastera. Menerusi prinsip ini pengarang menggunakan kata-kata dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsi terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek





dan sebagainya. Kata-kata itu bagi sesuatu konsep itu akan sentiasa melingkari minda seseorang pengarang. Walau bagaimanapun, pemilihan kata bagi sesuatu konsep itu dalam sesebuah karya sastera, mungkin diungkapkan melalui kata konkret dan kemungkinan juga diungkapkan melalui kata abstrak.

Seterusnya, kesan yang wujud menerusi petikan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar yang seterusnya ialah melahirkan masyarakat yang berdikari. Melahirkan masyarakat yang berdikari membawa kepada maksud masyarakat yang mempunyai fikiran bebas, yakin dengan diri sendiri dan tidak bergantung harap kepada pihak lain. Selain itu, penuh daya usaha dan jaya diri serta sanggup menggalas tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab (Hashim Musa, 2008: 41). Selain itu, menurut Wan Marzuki Wan Zain (2010) menyatakan bahawa berdikari membawa kepada pengertian berdiri di kaki sendiri dalam melakukan dan melaksanakan pelbagai perkara tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Kepentingan untuk menghayati, memahami dan mengamalkan nilai ini seharusnya diberikan perhatian. Justeru hal ini adalah menjadi satu amanah dan tanggungjawab semua pihak untuk mendidik masyarakat Orang Asli Temiar terutamanya golongan muda dan golongan kanak-kanak. Menerusi adat dan nilai budaya hidup masyarakat Orang Asli Temiar sangat mementingkan nilai ini kepada seluruh anggota masyarakatnya. Pencerita dengan berhemah mengutarakan peristiwa dan plot untuk melahirkan kesan ini kepada khalayak pendengar. Hal ini ditekankan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Burung Kuang Dengan Seekor Harimau*. Hal ini jelas tergambar menerusi contoh petikan berikut:

### Contoh Petikan 7

“Ada seekor Burung kuang yang rajin mencari makanan untuk dirinya dan kawan mereka. Burung Kuang berdikari mencari makanan seorang diri bermula matahari terbit sehingga senja baru Burung Kuang pulang ke sarang. Ada pelbagai jenis makanan untuk dijadikan juadah mereka di atas pokok merbau. Ada sebuah gudang untuk menyimpan makanannya. Burung Kuangg Ekoran daripada kerajinan burung kuang tersebut menyebabkan harimau mahu mendekatinya”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Contoh petikan di atas menggambarkan sikap suka berdikari seekor Burung Kuang mencari makanan tanpa mengharapkan apa- bentuk bantuan dari pihak lain. Sikap ini wajar dipuji kerana walaupun saiz fizikal yang kecil tetapi berdikari mencari makanan untuk bekalan. Walaupun gambaran kesan disampaikan secara tersirat tetapi sumber tetap berjaya mengutarakan nilai. Seterusnya, ia menyeru masyarakat Orang Asli Temiar supaya berdikari untuk mendapatkan sesuatu tanpa mengharapkan bantuan daripada mana-mana pihak. Sehubungan itu, masyarakat Orang Asli Temiar juga menitikberatkan penerapan nilai ke dalam jiwa setiap anggota masyarakatnya agar sikap saling bergantung dan mengharapkan bantuan sama ada pihak kerajaan, NGO, dan individu dalam semua usaha





dapat dikurangkan. Sikap sedemikian penting membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli Temiar adalah satu komuniti yang mampu hidup berdikari sekali gus meletakkan mereka satu masyarakat yang kaya nilai berdikari. Seterusnya, menerusi sikap berdikari ini sebenarnya akan mendatangkan pelbagai dan faedah kepada individu untuk mencapai hasrat, tujuan, impian dan cita tanpa bantuan orang lain. Hal ini, disokong oleh Abd Rahim Abd Rashid (2001: 108) menyatakan bahawa wujudnya masyarakat berdikari ini secara tidak langsung akan mempertingkatkan pengeluaran dan kemiskinan dan kemunduran boleh ditangani dengan baik dan berkesan. Selain itu, kadar kebergantungan kepada kerajaan dapat dikurangkan. Pendek kata, melahirkan masyarakat yang berdikari sebagai satu landasan yang sesuai bagi kesejahteraan, kebahagian dan keharmonian masyarakat di negara ini.. Sehubungan itu, Teori Konseptual Kata Kunci ini amat sesuai digunakan untuk pengkaji dalam mengkaji kesan ini. Prinsip pemilihan kata yang tepat dan bermakna ini akan meninggalkan kesan yang manfaat dan berguna untuk diadaptasikan dalam kehidupan.

Selain itu, membentuk masyarakat yang kaya dengan budi bahasa merupakan kesan yang muncul akibat daripada tercetusnya nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat OAT ini. Budi bahasa merupakan salah elemen penting yang harus difahami dan diamalkan dalam diri dan kehidupan setiap orang manusia. Budi bahasa adalah suatu yang abstrak sifatnya. Pendebatan berkaitan dengan maksud sebenar budi bahasa sangat diperkata. Pelbagai hujan dan huraihan diberikan namun pengkaji mengutarakan beberapa makna yang sesuai dengan bidang kajian ini. Dalam konteks ini budi bahasa merujuk kepada pengucapan dan pertuturan yang sopan, baik, positif, manis, berhemah, bijaksana, idea bernas dan penuh dengan unsur pengajaran (Hashim Musa, 2008). Seterusnya, menurut Muhammad Al-Ghazali (2008) menyatakan kelakuan manusia apabila berbicara dengan mengeluarkan perkataan yang baik kerana ucapan kata yang baik dan sopan akan melahirkan isi hati yang baik dan menunjukkan sifat sopan santun yang tinggi. Selain masyarakat Melayu masyarakat Orang Asli juga menjunjung tinggi dan menghargai budi bahasa kerana bagi mereka budi bahasa ibarat sendi bangsa yang ketinggian sikap dan akal budi masyarakat (Idham Shah Sabuti, Norhaslinda Mohd Hassan & Nosham Mohd Nor, 2010). Justeru itu, berbudi bahasa sangat ditekankan dalam kehidupan masyarakat bukan sahaja masyarakat Melayu bahkan masyarakat Orang Asli Temiar. Kepentingan mengamalkan amalan berbudi bahasa ini juga diberikan perhatian oleh pencerita. Garapan plot yang dikaitan dengan budi bahasa dipaparkan dengan baik agar khalayak pendengar menghayati nilai budi bahasa secara baik dan dijadikan panduan dalam kehidupan mereka. Impak melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa terdapat dalam petikan cerita rakyat yang bertajuk *Tangkal Hikmah*. Hal ini jelas tergambar menerusi contoh petikan tersebut:





### Contoh Petikan 8

"Ada seorang anak yang amat mereka sayangi iaitu anak yang bongsu. Anak tersebut berumur muda namun dia sangat menghormatinya dan dipenuhi dengan perilaku berbudi bahasa yang tinggi sama ada ketika bercakap berbanding dengan anaknya yang lain. Si Bongsu disayangi oleh kedua-dua ibu bapa".

(Ibrahim Marijah, 2014)

Menerusi contoh petikan di atas, informan menggambarkan ketinggian budi bahasa yang wujud dalam diri seorang kanak-kanak yang bongsu. Walaupun masih kecil lagi, namun Si Bongsu nilai berbudi bahasa sudah mula terpancar dalam dirinya. Sikap ini, berbeza sekali dengan adik-beradiknya lain tidak menghormati kedua ibubapanya. Justeru tidak mustahil, Si Bongsu disayangi oleh kedua-dua ibu bapanya. Sikap sedemikian sangat disenangi oleh ibu bapanya dan tidak sanggup menghantarkan Si Bongsu ke dalam hutan. Bertitik-tolak daripada itu, kepentingan melahirkan masyarakat yang kaya dengan berbudi bahasa haruslah disemai kepada semua orang bukan sahaja sahaja kanak-kanak malah seluruh lapisan masyarakat. Penerapan terhadap kesan perlu semai juga menerusi bidang pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan. Hal di tegaskan oleh Idham Shah Sabuti, Norhaslinda Mohd Hassan & Nosham Mohd Nor (2010) menyatakan bahawa berbudi bahasa bukan sahaja menggunakan kata yang sopan dan berhemah dalam juga dalam interaksi komunikasi antara individu dan kumpulan. Kesedaran untuk memupuk nilai berbudi bahasa dalam jiwa dibentuk bermula dari kecil lagi. Hal ini bersesuaian dengan pepatah Melayu yang berbunyi "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Menurut, A. Aziz Deraman (2010: 35) pengamalan nilai kesopanan dan budi bahasa menjadi elemen penting terutamanya bagi negara di mana setiap warga terdiri dari pelbagai kaum. Penerapan amalan berbudi bahasa ini memerlukan didikan ibu bapa, pihak sekolah, peranan kerajaan dan media massa bagi memastikan amalan berterusan di amalkan tanpa mengira umur, kaum, bangsa dan warna kulit. Kesedaran terhadap kepentingan berbudi bahasa akan memberikan kesan yang positif dalam kehidupan manusia. Amalan mengamalkan berbudi bahasa akan melahirkan satu kelompok masyarakat yang saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Sementara itu, Teori Konseptual Kata Kunci ini disesuaikan dalam kajian kesan yang dibincangkan di atas. Prinsip pemilihan kata yang puitis ini secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada khalayak pendengar. Dalam konteks ini, karya sastera dijadikan alat garapan yang mendedahkan segala kebaikan dan kepincangan dalam kehidupan dan akhirnya menjurus kepada matlamat utama karya sastera dihasilkan , iaitu untuk mencari kebaikan.

Menerusi nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini, tercetusnya kesan membentuk semangat kerjasama dalam masyarakat. Dalam konteks ini, kerjasama membawa maksud sikap saling bantu-membantu dan tolong-menolong dalam melaksanakan tugas dan kerja sama ada satu jangka pendek ataupun jangka masa yang lama. Sikap ini membawa ke arah





mempertingkatkan semangat gotong-royong dan muafakat dalam kalangan ahli masyarakat (A. Aziz Deraman, 2010: 38). Selain itu, kerjasama juga merupakan satu usaha yang elok yang dilakukan bersama-sama dalam satu masa ia dilakukan sama ada secara individu, ahli komuniti, lapisan masyarakat mahupun negara untuk tujuan mencapai matlamat yang di telah digariskan oleh mereka (Tajul Arifin & Nor'aini Dan (1992: 34). Sehubungan itu, kerjasama ini membawa kepada sikap bantu-membantu, tolong-menolong, muafakat yang dilakukan oleh individu ataupun kelompok masyarakat dalam menyelesaikan atau menjalankan tugas yang diamanahkan. Selain itu, kemantapan sikap tersebut akan melahirkan masyarakat yang bermuafakat dan bergotong-royong dalam masyarakat tersebut. Seterusnya, melalui lahirnya semangat kerjasama akan memberikan pelbagai manfaat kepada semua masyarakat dan negara. Masyarakat Orang Asli Temiar juga, tidak terkecauli menekankan kepentingan semangat kerjasama dalam masyarakat mereka. Antara golongan yang terlibat secara langsung dalam mengutarakan kesan ini adalah tukang cerita. Tukang cerita menyampaikan kesan ini menerusi cerita rakyat yang disampaikan kepada khalayak. Hasrat utama pencerita agar masyarakat faham akan kesan dan sedar akan kepentingan semangat kerjasama diterapkan di dalam kehidupan mereka. Justeru, kesan terdapat dalam petikan cerita rakyat yang bertajuk *Dendam Terbalas*. Hal ini jelas tergambar menerusi contoh petikan tersebut:

#### **Contoh Petikan 9**

“Setelah itu, mereka bekerjasama membuat persiapan untuk penyembelihan babi hutan dan berganding bahu mengagihkan kepada sanak saudara serta penduduk kampung. Kerjasama yang dijalankan menyebabkan kerja tersebut menjadi cepat dan mudah”.

(Ibrahim Marijah,2014)

Menerusi contoh petikan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di atas jelas sikap kerjasama yang diamalkan oleh penduduk Sri Merbuk dalam urusan pembahagian daging yang telah disembelih oleh mereka. menggambarkan bahawa semangat kerjasama dalam masyarakat ini. Golongan tua sangat dititikberatkan kepentingan kerjasama ini kepada golongan muda masyarakat Orang Asli Temiar untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian Justeru, golongan muda dan kanak-kanak juga perlu sedar akan kepentingan semangat kerjasama dan mempraktikkan dalam kehidupan mereka. Lantaran itu, melalui pengamatan dan pemantapan semangat ini perlu dipupuk sejak dari kecil lagi. Hal ini disokong oleh, Abd Rahim Abd Rashid (2004) ibu bapa, institusi pendidikan dan pihak kerajaan merupakan pihak bertanggungjawab dalam melahirkan semangat ini dan sebagai penyumbang kepada pembinaan bangsa Malaysia. Usaha dan kesedaran menyeluruh terhadap nilai semangat kerjasama ini akan memberikan impak yang positif di dalam kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar antaranya saling berkenalan, tolong-menolong dan merapatkan hubungan sesama mereka.





Mendidik generasi muda untuk menghormati golongan tua adalah kesan yang tersirat yang terdapat di dalam nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar. Menghormati orang tua membawa kepada pengertian menghulurkan layanan yang sopan, memuliakan dan menjunjung tinggi terhadap orang lebih tua daripada kita (A.Aziz Deraman, 2010). Seterusnya, menurut Lee Lam Thye (1997) menghormati boleh ditaksirkan sebagai rasa hormat dan taat kepada ibu bapa, menghormati orang lain, hormat pelbagai adat resam, menghargai tenaga pekerja dan menghargai kebijaksanaan yang terdapat dalam diri seseorang. Menurut, Hashim Musa (2008:12) menghormati warga tua adalah melahirkan rasa hormat terhadap orang yang lebih tua dan sentiasa menerima teguran, kritikan dan nasihat daripada golongan tua terhadap sesuatu perkara. Masyarakat Orang Asli juga menekankan akan nilai dalam kehidupann mereka. Hal ini ditegaskan oleh Juli Edo (2005: 175) menyatakan bahawa dalam sistem adat masyarakat Orang Asli nilai menghormati warga tua amatlah ditekankan ke atas semua lapisan masyarakat. Hal ini secara tidak langsung garapan nilai ini dilahirkan oleh golongan tua untuk mendidik golongan muda dan kanak-kanak untuk mengetahui kepentingan nilai ini. Dalam konteks ini, tukang cerita adalah individu yang bertanggungjawab menyampaikan nilai kepada dua golongan ini. Sehubungan itu, tukang mengutarakan kesan nilai ini menerusi cerita rakyat yang berjudul *Manusia Jelmaan Anjing*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan 10 berikut:

#### **Contoh Petikan 10**

“Setelah sampai di rumah Mak Miskin, pembesar mengetuk pintu. Setelah dibuka dia terus menunduk kepala dan tersenyum tanda hormat akan Mak Miskin. Sikap ini, disenangi oleh Mak Miskin. Wahai Mak Miskin betulkah kamu menyimpan seorang yang gagah perkasa di sini yang boleh membantu menarik perahu tuanku ke sungai?” Kata, pembesar dengan nada yang nada yang rendah.

“Maaf tuan hamba, hamba tidak menyimpan pemuda yang dimaksudkan itu”.  
Jawab Mak Miskin”.

(Ibrahim Marijah, 2014)

Menerusi contoh petikan di atas jelas menggambarkan nilai budaya menghormati warga tua digambarkan oleh para pembesar terhadap Mak Miskin. Nilai budaya menghormati warga tua secara tidak langsung melahirkan kesan kepada khalayak untuk melahirkan kesan mendidik generasi muda untuk menghormati golongan tua. Kesan ini dapat dikesan menerusi sikap Pembesar Istana sangat menghormati Mak Miskin ketika tiba di rumah perempuan tua tersebut. Sikap yang dipamerkan melalui cara memberi salam, menundukkan kepala ketika bercakap dan mengeluarkan nada yang rendah ketika bercakap. Justeru sikap ini di senangi dan disukai oleh Mak Miskin. Melalui perlakuan tersebut mengajak khalayak untuk memahami aspek menghormati warga tua justeru secara tidak langsung golongan pendengar cuba mengamalkan perilaku tersebut ketika berhubungan dengan golongan yang lebih tua. Jika kesan tentang kepentingan mengamalkan sikap menghormati warga





tua ini tidak ke dalam diri golongan muda dan kanak-kanak sudah tentu hubungan yang erat akan mudah terjalin dan persengketaan dapat dielakkan. Sehubungan itu, sikap hormat-menghormati adalah satu sikap yang digalakkan oleh semua agama dan fahaman. Hal ini ditegaskan oleh Mohd Shauki Abd Majid (2006: 142) semua agama dan fahaman sangat menekankan sikap menghormati ini. Menghormati antara satu sama lain penting bagi kesejahteraan dan kemakmuran hidup setiap individu. Seterusnya menurut Nik Azis Nik Pa (2012: 330) menyatakan bahawa setiap manusia haruslah ada rasa hormat- menghormati ketika berinteraksi dengan ahli keluarga dan masyarakat sekeliling tanpa mempedulikan taraf pendidikan, warna kulit dan keturunan. Pendapat yang sama diutarakan oleh Haziah Che Hashim (2014:1) menyatakan bahawa sebagai generasi muda seharusnya menjalinkan hubungan baik sesama manusia terutamanya warga dan mereka yang lebih umurnya. Di samping itu, kesan penerapan nilai menghormati warga tua akan dapat melahirkan satu generasi berakhhlak mulia dan kemantapan jati diri yang mampu mengharumi cabaran negara serta memupuk perpaduan yang lebih erat masa akan datang. Berhubungan dengan teori Konseptual Kata Kunci, prinsip pemilihan kata sangat seajar dengan penekanan kesan ini menjadi faktor utama penulis untuk menghasilkan lirik lagu ini. Hal ini kerana, pemilihan kata yang berkesan memudahkan kepada pendengar untuk menghayati setiap garapan cerita. Justeru, melalui pemilihan kata yang tepat dan masih lagi mengandungi ciri estetik membuatkan pendengar terpesona dan secara tersiratnya mampu menimbulkan penghayatan pendengar dan pembaca terhadap sesebuah karya.

## 6.0 Penutup

Pelbagai medium dicipta untuk mengutarakan kesan nilai ini kepada khalayak masyarakat Orang Asli Temiar. Cerita rakyat merupakan satu warisan yang tidak ternilai harga. Hal ini menerusi cerita rakyat terangkum pelbagai peristiwa, nilai budaya, cara hidup dan kebudayaan masyarakat. Medium lisan dijadikan komponen penting untuk mengutarakan apa yang dirasai, difikirkan dan diilhamkan daripada seorang tukang cerita kepada khalayak pendengar. Pelbagai manfaat yang dapat diambil menerusi cerita yang disampaikan ini. Antara yang manfaat yang dapat dikenal pasti ialah kesan kepada khalayak. Kesan yang muncul ini sama ada tersurat dan tersirat ini diperolehi melalui pemahaman dan penerimaan setiap individu. Kesan yang wujud dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar ini dilahirkan dengan garapan dan jalinan plot dan kemudian disusuli dengan kata kunci dan frasa tertentu untuk dihayati, difahami dan difikirkan oleh khalayak.

Kesan ini diperoleh menerusi garapan dan olahan nilai budaya yang dianalisis menerusi cerita rakyat masyarakat ini adalah sesuatu positif. Kesan-kesan yang dikemukakan ini mempunyai hubung kait dengan kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar ini. Kesan dapat mengajak, menyeru dan menegaskan kepada masyarakat untuk lebih tahu akan ini sama ada dalam masa terdekat dan





pada masa akan datang. Masyarakat dapat menilai tentang semua kesan yang dianalisis ini untuk dijadikan manfaat dan panduan. Hal ini sesuai dengan rangkai kata “yang baik dijadikan panduan dan yang buruk dijadikan sempadan”. Hal ini bertepatan dengan fungsi cerita rakyat sebagai bukan sahaja untuk berhibur tetapi mempunyai tanggungjawab yang lebih besar iaitu mendidik masyarakat ke arah yang baik. Menerusi prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Konseptual Kata Kunci (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005) iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan membuka jalan kepada pengkaji dan pendengar untuk memahami dan menghayati isi cerita, tema dan jalinan plot yang disampaikan ini oleh rukang cerita masyarakat Orang Asli Temiar ini. Disamping itu, melalui pertalian kaedah dan teori dapat menghuraikan bahan yang dikaji untuk memberi kesan yang mendalam dan secara tidak langsung menjadikan cerita sebagai satu medium yang sesuai untuk mendidik masyarakat.

## Rujukan

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu dan Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuan : Globalisasi dalam The Malaysian Journal Of Humanities. Jilid 16: 59-81.
- Abdul Latif Abu Bakar. (2004). Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia. Kuala Lumpur. Jabatan Pengajian Media.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Alias Yahya & Che Ibrahim Salleh. (2010). Jati Diri Bahasa Melayu dan Globalisasi. Prosiding Penyelidikan Linguistik, Bahasa dan Budaya. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (5-6 Okt 2010).
- Anida Alias. (2012) Pada Suatu Masa di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang: Nilai Kehidupan Tradisi Masyarakat Orang Asli Temiar. dalam kertas kerja Regional Conference on Values and Humanities (REVOVH) anjuran Universiti Malaysia Kelantan, pada 2-3 Disember 2012.
- A. Aziz Deraman. (2010). Kesantunan Berbahasa. Dalam, Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni & Budaya. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Faridatul Akma Abdul Latif & Siti Rasidah Md Sakip. (2005). Pengekalan dan Pemuliharaan Lanskap Kampung Melayu. Kajian Kes: Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Shah Alam : Universiti Teknologi Mara, 2005.





Hashim Musa.( 2008). Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Haziah Che Hashim. (2014). Mahalnya Erti Sebuah Keamanan. Dewan Siswa.6/2014:7.

Hood Salleh. (2004). Cenenman: Mitos dan Lagenda Semelai Tasik Bera. Seminar Sehari Tradisi Lisan Masyarakat Orang Asli. Bilik Sumber Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan. Universiti Kebangsaan Malaysia. 8 September 2004.

Ibrahim Marijah. (2014). Nilai Budaya dalam Masyarakat Orang Asli. Temu bual pada 14.12.2014.

Ibrahim Marijah. (2014). 11 Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar. Temu bual pada 20.7. 2014 dan 14.9.2014.

Idham Shah Sabuti, Norhaslinda Mohd Hassan & Nosham Mohd Nor. (2010). Amalan Budi Bahasa dalam Masyarakat Melayu Di Sekolah. Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II, Anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan Persatuan Psikolinguistik Malaysia(PERSIMA), Hotel Promenade, Kota Kinabalu, 8-9 Jun 2010.

Ismail Hamid. (1986). Sastera Rakyat: Suatu Warisan. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2009). Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli . Kuala Lumpur: Perniagaan Rita.

Juli Edo.(2005). Adat Dan Nilai Masyarakat Orang Asli. dalam Orang Asli Khazanah Tersembunyi, Kertas Kerja Seminar Orang Asli 2004 : Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Lee Lam Thye. (1997). Nilai Murni Benteng Keperibadian. Dewan Budaya.7/1997: 37.

Maisara Saidin & Latifah Abdul Majid. (2012). Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia. Bangi. Jurnal Hadhari 4(1)(2012)77-102.

Mohd Fahmi Ismail, (2012). Estetika dan Amanat dalam Lirik Lagu Halim Yazid. Projek Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.

Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). Teori Konseptual Kata Kunci. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Shauki Abd Majid. (2006). Wacana Ketamadunan dalam Masyarakat Islam Hadhari. Kuala Lumpur: Ibook Publication Sdn. Bhd.





Mohd Taib Osman. (1991). Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Misri Hj Bohari. (2011). Konsep Nilai Murni dalam Falsafah . (misrihbohari.blogspot.my.konsep nilai-murni-dalam-falsafah.html. (Diekses pada 10 Januari, 2015).

Muhammad Al-Ghazali. (2008). Akhlak Seorang Muslim. Peny. Haji Mohd Rifai. Kuala Lumpur: Crescent News (KI) Sdn. Bhd.

Muhammad Hafiy Zikri Muhammad Shafri ( 2015). Pendidikan Benteng Penyatuan Bangsa. Dewan Masyarakat. 11/2015:12.

Nor Anwar Hamat & Zaini Ab Rahman. (2013). Kajian Kraf Masyarakat Orang Asli Temiar , Kuala Betis. Kota Bahru: Jabatan Kajian Sosial.

Nor Azam Abdul Rahman. (2014). Aman Dunia Di Tangan Kita. Dewan Siswa. 6/2014: 8-10.

Nor Aziah Mohd Amin. (2014).Pendidikan Ke Arah Keamanan. Dewan Siswa.6/2014: 4-7.

Nik Azis Nik Pa . (2012). Keluarga Berdaya Maju. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ramlee Abdullah. (2008). Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Siti Aminah Mohd Sam, Seow Ta Wee & Maryati Mohamed. (2013). Amalan Budaya Orang Asli: Komuniti Jakun Di Kampung Peta, Johor. Simposium Kebudayaan Indonesia- Malaysia SKIM XIII. 12–14 November 2013. Universiti Padjadjaran : Kampus Jatinangor. Bandung.

Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria. (2013). Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. Kuala Lumpur. Jurnal Iman.

Tajul Arifin Noordin & Nor'aini Dan. (1992) Pendidikan Dan Wawasan 2020. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Wan Hashim Wan Teh. (1988). Industri Budaya: Pembangunan Industri Budaya Melayu. Jurnal Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

Wan Marzuki Wan Zain. (2010). Nilai Murni dalam Novel Iman. Projek Ilmiah Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.

